

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA  
DI SHAH ALAM, SELANGOR**

**TUNTUTAN NO : TPPM-B-(B)-415-2008**

**BIBI BINTI MOHAMED DIN - PIHAK YANG MENUNTUT**

**MY CARE SUCCESS SDN. BHD. - PENENTANG**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

Tuntutan Pihak Yang Menuntut (PYM) dalam Borang 1 adalah untuk pengembalian wang yang dibayar untuk pembelian barang yang didakwa tidak berkualiti .

**FAKTA KES**

1. PYM telah membeli satu set cookware Kitchen Queen dan sebuah water filter daripada Penentang yang mendakwa produk tersebut buatan Itali.
2. PYM telah menggunakan barang tersebut dan mendakwa bahawa set cookware Kitchen Queen dan waterfilter itu tidak mempunyai kualiti barang buatan Itali. Asas dakwaan PYM adalah kerana set cookware Kitchen Queen tidak mempunyai ciri non stick dan water filter pula tertera perkataan made in China.
3. Dalam pembelaan, Penentang menyatakan bahawa PYM sendiri memilih set cookware Kitchen Queen itu daripada katalog dan membelinya selepas melihat serta memeriksa set tersebut di showroom Penentang. Set cookware Kitchen Queen itu adalah stainless steel daripada Itali dan bukannya non stick. Jaminan yang diberikan adalah untuk stainless steel tidak karat bukan untuk stainless steel non stick.
4. Aduan awal PYM selepas penggunaan cookware set adalah bahawa food stick badly on the pan dan water filter pula tidak keluar air. Penentang telah memeriksa barang selepas menerima aduan dan bersedia membuat servis bagi water filter. Aduan bahawa barang itu bukan kualiti buatan Itali dibangkitkan oleh PYM apabila Penentang tidak bersetuju untuk mengambil semula barang yang telah dijual dan mengembalikan semua wang kepada PYM.

## RUMUSAN

1. Selepas mendengar keterangan daripada kedua-dua belah pihak, Tribunal berpendapat kontrak yang dimasuki oleh PYM dengan Penentang adalah suatu kontrak yang sah. PYM membuat pembelian bukan dengan bergantung kepada representasi Penentang sahaja tetapi dengan pengetahuannya sendiri kerana PYM diberi peluang melihat dan menilai kualiti fizikal barang sebelum pembelian.
2. PYM tidak manafikan melihat secara fizikal barang sebelum membeli. Oleh yang demikian, PYM tahu apa yang dibelinya, kerana ciri non stick dan stainless steel adalah dua ciri yang berbeza dan kedua-dua ciri ini boleh diketahui dengan mudah melalui penglihatan biasa atau pemeriksaan fizikal barang tersebut.
3. Bagi dakwaan bahawa barang tersebut tidak mempunyai kualiti barang buatan Itali atau tiada pengesahan Sirim, beban membuktikan dakwaan ini adalah tanggungjawab PYM dengan membawa keterangan sokongan mengenainya.
4. PYM perlu mengemukakan keterangan yang membuktikan bahawa set cookware Kitchen Queen yang dijual oleh Penentang itu bukan cookware Kitchen Queen buatan Itali dan tiada pengesahan Sirim. Keterangan ini perlu untuk menentukan sama ada Penentang telah memberikan representasi palsu mengenai kualiti barang yang mendorong PYM membeli barang atas representasi itu.
5. Tanpa bukti yang jelas daripada PYM bagi dakwaannya, Tribunal tidak boleh membuat andaian atau memutuskan bahawa Penentang memberikan representasi palsu mengenai kualiti barangannya semasa penjualan barang kepada PYM.
6. Daripada keterangan yang dikemukakan oleh pihak-pihak, Tribunal berpendapat bahawa kontrak antara PYM dan Penentang adalah suatu kontrak yang sah. Dengan ketiadaan keterangan lain daripada PYM yang menunjukkan adanya representasi palsu daripada Penentang semasa penjualan, tiada sebab untuk Tribunal membatalkan kontrak atau mengubah apa-apa terma dalam transaksi ini.
7. Beban pembuktian tuntutan dan penemuan fakta berdasarkan keterangan yang dikemukakan telah dijelaskan kepada kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun, sebelum Tribunal memutuskan sama

ada untuk terus membuat keputusan berdasarkan keterangan yang sedia ada ataupun menangguhkan kes bagi memberi peluang kepada PYM membawa saksi atau keterangan untuk menyokong dakwaannya, Tribunal dengan merujuk kepada Seksyen 107 Akta Perlindungan Pengguna 1999, mengesyorkan kedua-dua pihak berbincang untuk merundingkan suatu penyelesaian sesama mereka.

8. Melalui rundingan tersebut, kedua-dua pihak sendiri bersetuju bahawa Penentang mengambil semula set cookware Kitchen Queen dan membayar balik PYM RM2000.00 ke dalam akaun kad kredit PYM sebagai penyelesaian tuntutan ini.
9. Tribunal berpuas hati persetujuan yang dicapai oleh kedua-dua pihak adalah dibuat tanpa paksaan mana-mana pihak. Atas persetujuan yang dicapai oleh kedua-dua pihak, Tribunal bersetuju dan merekodkan penyelesaian itu di bawah Seksyen 107(3) Akta Perlindungan Pengguna 1999 sebagai penyelesaian oleh Tribunal.

## **KEPUTUSAN**

### **Award Borang 10**

Tribunal dengan itu membuat Award Borang 9 seperti berikut -

1. Penentang dikehendaki membayar balik RM2,000.00 kepada Pihak Yang Menuntut melalui arahan mendebitkan ke dalam akaun kad kredit Pihak Yang Menuntut dalam tempoh 14 hari dari tarikh award dikeluarkan.
2. Pihak Yang Menuntut hendaklah mengembalikan set stainless steel cookware selepas menerima RM2,000.00 reversal ke dalam akaun kad kredit Pihak Yang Menuntut.

**REIHANA BINTI ABD. RAZAK**  
**PRESIDEN**  
**TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA**  
**MALAYSIA.**

Tarikh: 13 Ogos 2009.